

**NO. SOALAN : 84**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI ZAINUDDIN BIN ISMAIL  
[ JELEBU ]**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Haji Zainuddin bin Ismail [ Jelebu ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah strategi serta langkah jangka masa panjang Kementerian dalam memastikan peratusan pelancong dari luar negara datang ke Malaysia akan terus meningkat dan dipertahankan.**

**JAWAPAN :** **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan peratusan pelancong dari luar negara datang ke Malaysia akan terus meningkat dan dipertahankan, Tourism Malaysia telah mempergiatkan aktiviti promosi dan pemasaran seperti berikut :-

- (i) Menfokuskan lebih usaha ke arah meningkatkan ketibaan pelancong dari pasaran ASEAN dan pasaran jarak sederhana seperti China, India, Australia, Korea dan Jepun.
- (ii) Meningkatkan aktiviti pengiklanan dan promosi secara taktikal dengan para penggiat pelancongan tempatan dan luar negara serta syarikat-syarikat penerbangan bagi menawarkan pakej-pakej istimewa dengan tawaran harga yang menarik.
- (iii) Meningkatkan kerjasama secara 'Smart partnership' – promosi kerjasama dengan syarikat penerbangan asing seperti Singapore Airlines Etihad Airways, Emirates dan Qatar Airways bagi Malaysia mendapat kemudahsampaian dari lebih 300 buah bandar di Eropah, Asia Barat, Afrika , USA, Australia, New Zealand dan Asia Tenggara.
- (iv) Meningkatkan kerjasama promosi dengan agensi pelancongan luar negara bagi meningkatkan penerbangan carter (chartered flight) ke Malaysia. Sebagai contohnya, pada tahun 2015 kerjasama promosi yang dijalankan telah berjaya mengadakan sebanyak 220 penerbangan carter dari China, Taiwan dan Korea dengan jumlah penumpang seramai 34,694 orang pelancong.

- (v) Mempertingkatkan promosi membeli belah oleh Shopping Secretariat Malaysia (SSM) di Indonesia, India, Australia dan New Zealand.
- (vi) Dari sudut pengiklanan , Tourism Malaysia akan terus membeli slot-slot iklan di pasaran-pasaran antarabangsa tertentu seperti iklan di media cetak , iklan paparan luar, iklan media elektronik dan juga media sosial. Di samping itu TM juga akan mengiklanakan produk-produk pelancongan Malaysia dalam terbitan dokumentari khas untuk siaran di rangkaian TV Global seperti *National Geography, Historical Channel, Travel Channel* dan sebagainya.
- (vii) Memberi kemudahan Visa kepada pelancong dari pasaran yang besar iaitu China dan India dengan memperkenalkan e-visa mulai 1 Mac 2016 kepada pelancong dari China dan mulai 16 April 2016 kepada pelancong dari India serta visa percuma (VFF) untuk pelancong dari China bermula 1 Mac 2016 sehingga 31 Dis 2016.

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATUK KOH NAI KWONG**

**SOALAN : NO. 85**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:-

(a) apakah hasil perbincangan dan perancangan mengenai program akademik sarjana muda berbentuk 3+1 atau 2+2 yang akan dilaksanakan sebagai inisiatif untuk menjayakan Lonjakan No.1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi); dan

(b) apakah Kementerian bercadang bagi pelaksanaan program akademik sarjana muda berbentuk 3+1 atau 2+2 bagi semua IPT awam dan swasta dalam negara dengan kuasa autonomi diberikan kepada semua pentadbir IPT awam dan swasta.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang, telah menggariskan agar Institut Pendidikan Tinggi (IPT) menggabungkan pembelajaran berdasarkan pengalaman dan penyerapan keusahawanan ke dalam kurikulum. Melalui usaha tersebut, program akademik sarjana muda berbentuk 2+2 (2u2i) atau 3+1 (3u1i) yang melibatkan pembelajaran selama 2 atau 3 tahun di kampus dan selebihnya di industri kampus atau telah diperkenalkan.

Program 2u2i atau 3u1i akan membantu pelajar mendapat pengalaman praktikal yang menekankan pembangunan kemahiran khusus yang diperlukan, meningkatkan kemahiran kognitif dan membantu persediaan kepada pelajar untuk bekerja dengan industri.

Penglibatan industri dalam membangunkan lebih banyak program latihan berstruktur bagi pembangunan kompetensi pelajar ditingkatkan kepada lebih 80% menjelang

tahun 2020. Ini dilaksanakan supaya dapat membantu sasaran kadar kebolehpasaran graduan.

Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa menggalakkan pelaksanaan program akademik sarjana muda berbentuk 2u2i atau 3u1i di semua IPT bagi program akademik baharu dan juga membuat semakan kurikulum bagi program akademik sedia ada. Satu garis panduan pelaksanaan program tersebut akan dibangunkan sebagai rujukan untuk IPT.

Program 2U2i akan ditawarkan oleh dua buah universiti awam mulai September 2016 iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). UMK menawarkan Program 2U2i melalui Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian. Program ini menyasarkan pelajar untuk menimba pengalaman keusahawanan secara terus bersama industri kecil dan sederhana pada tahun ke-3, manakala pada tahun ke-4 pula pelajar dikehendaki memberi fokus untuk menjalankan perniagaan sendiri. UPM pula menawarkan Program 2U2i melalui Bacelor Sains Pengurusan Perladangan di mana pelajar akan ditempatkan dalam ekosistem perladangan pada dua tahun terakhir pengajian.